



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 20 / 2023

**PROSES MENGUNDI AWAL BAGI
PILIHAN RAYA UMUM DEWAN UNDANGAN / DEWAN
NEGERI/ DEWAN UNDANGAN NEGERI KE-15 (PRU DUN KE-
15) BAGI NEGERI KEDAH, KELANTAN, TERENGGANU,
PULAU PINANG, SELANGOR DAN NEGERI SEMBILAN
SERTA PILIHAN RAYA KECIL (PRK) PARLIMEN P.036
KUALA TERENGGANU**

1. Hari ini telah berlangsung **proses mengundi awal** bagi PRU DUN Ke-15 dan PRK Parlimen P.036 Kuala Terengganu yang **bermula pada pukul 8.00 pagi**.
2. Bagi **PRU DUN Ke-15**, seramai **72,554 orang** yang terdiri daripada anggota tentera dan pasangan, anggota polis serta Pasukan Gerakan Am (PGA) dan pasangan yang telah melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pengundi awal dan pecahan peratus keluar mengundi mengikut negeri adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Peratusan (%)
1	Kedah	96.02
2	Kelantan	93.90
3	Terengganu	95.91
4	Pulau Pinang	95.01
5	Selangor	95.87
6	Negeri Sembilan	94.05

3. Manakala bagi **PRK Parlimen P.036 Kuala Terengganu, 1,286 orang pengundi (95.47%)** terdiri daripada tentera dan pasangan serta polis telah mengundi awal.
4. SPR merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan pasukan kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan amat baik pada hari ini.
5. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Penerangan Malaysia, media dan semua pihak

yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas segala kerjasama dan sokongan yang telah diberikan kepada SPR.

Sekian.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

8 Ogos 2023 / 21 Muharam 1445H